



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 14 Tahun 2022

PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN SERTA KRITERIA KENAIKAN PANGKAT SECARA LALUAN KERJAYA DI GRED 56 BAGI STAF YANG TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI PAKAR PERUBATAN / PERGIGIAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 mengenai pindaan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian serta kelulusan cadangan kriteria kenaikan pangkat secara laluan kerjaya di Gred 56 bagi staf yang telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan/ Pergigian.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 64 pada 03 Februari 2022 telah bersetuju meluluskan cadangan pindaan kriteria dan syarat kenaikan pangkat secara laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan Gred UD56 dan Pegawai Pergigian Gred UG56. Ini adalah selaras dengan keperluan dan kesesuaian pelaksanaan di Universiti Teknologi MARA.
3. MSM Bil. 60/2021 pada 05 Ogos 2021 telah membuat keputusan bersetuju memperaku cadangan menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 serta kriteria dan syarat kenaikan pangkat secara laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan Gred UD56 dan Pegawai Pergigian Gred UG56.
4. Selaras dengan keputusan Kerajaan, skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

- 4.1 skim perkhidmatan Pegawai Perubatan ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UD55/56; dan
- 4.2 skim perkhidmatan Pegawai Pergigian ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UG55/56.

5. Mesyuarat LPU Ke-157 bertarikh 14 Mac 2017 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016 yang dikeluarkan bagi melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM).

PELAKSANAAN

6. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 6.1 Syarat Umum
 - i. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan;
 - ii. Syarat kelayakan yang terkandung dalam skim perkhidmatan;
 - iii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
 - iv. Diperaku oleh Ketua Jabatan;
 - v. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
 - vi. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
 - vii. Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
 - viii. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan;
 - viii. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
 - x. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

6.2 Syarat Khusus

- i. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun berada di gred hakiki UD/UG 53/54;
- ii. Tempoh diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar/ Pegawai Pergigian Pakar untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun;
- iii. Telah mendaftar di bawah *National Specialist Register (NSR)*; dan
- iv. Penglibatan dalam khidmat masyarakat, penerbitan dan program-program yang sesuai dengan kepakaran calon.

7. Ringkasan syarat laluan kerjaya bagi skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian adalah seperti berikut:-


URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN	
	PERUBATAN / PERGIGIAN	
Gred 41 – Gred 44	2 tahun di 41 dan menepati syarat kenaikan pangkat	
	PAKAR	BUKAN PAKAR
Gred 44 – Gred 48	3 tahun di Gred 44 atau tarikh warta pakar, mana yang terdahulu dan menepati syarat kenaikan pangkat	3 tahun di Gred 44 dan menepati syarat kenaikan pangkat
Gred 48 – Gred 52	2 tahun di Gred 48 dan menepati syarat kenaikan pangkat	4 tahun di Gred 48 dan menepati syarat kenaikan pangkat
Gred 52 – Gred 54	2 tahun di Gred 52 dan menepati syarat kenaikan pangkat	3 tahun di Gred 52 dan menepati syarat kenaikan pangkat
Gred 54 – Gred 56	5 tahun di Gred 54 dan 5 tahun diwartakan pakar dan menepati syarat kenaikan pangkat*	Tidak berkenaan *Merujuk kepada Pekeliling yang berkuatkuasa
Gred 54/56 Ke Utama / Khas 'C' dan ke atas	Tertakluk kekosongan jawatan	Tertakluk kekosongan jawatan

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 16 Mac 2022.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 16 Mac 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 14/2022)